

22 JUN 2002

Abdullah-Masteb (Gulung)

KUMPULAN KERJA DITUBUH MAJUKAN MASYARAKAT SAINS DAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Satu kumpulan kerja akan ditubuhkan dalam usaha lebih gigih dan fokus bagi memajukan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera (Masteb), kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, bilangan saintis dan pakar teknologi Melayu sekarang bukan sahaja telah bertambah malah menguasai pelbagai kepakaran sama ada di dalam atau luar negara.

"Kita berharap golongan ini akan menjadi pemangkin dan penggerak kepada pembangunan sains dan teknologi dalam negara khususnya di kalangan masyarakat Melayu," katanya semasa menggulung perbincangan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata kumpulan Masteb itu juga diharap dapat membawa rakyat dan negara ini menembusi penemuan-penemuan baru bagi menghadapi cabaran era ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Penubuhan kumpulan kerja Masteb itu juga sebagai mengingati seruan Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak dalam kata perutusannya dalam buku "Revolusi Mental" yang berharap akan lahir kumpulan pemikir dalam masyarakat Melayu untuk menghasilkan idea baru.

Tun Abdul Razak dalam buku itu antara lain menyebut bahawa masyarakat Barat telah mencapai kemajuan ekonomi dan teknologi kerana ada kumpulan ahli pemikir yang sentiasa berusaha melahirkan idea baru bagi kepentingan masyarakat mereka.

Menyentuh mengenai ekstremis agama, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kerajaan tetap tegas dalam usaha menghapuskan sebarang kegiatan yang menggugat keselamatan dan menjejaskan kestabilan negara.

Katanya, kerajaan bertanggungjawab memastikan kegiatan sosial dan ekonomi negara tidak terancam.

Abdullah berkata tindakan juga akan diambil bagi memastikan sumber negara dan manusia tidak dibiarkan terbuang begitu sahaja akibat kegiatan yang tidak produktif.

Beliau berkata ceramah politik yang diadakan parti pembangkang sepanjang masa telah banyak mengalih sumber kerajaan daripada melakukan tugas produktif serta menambah beban tugas pasukan keselamatan.

Abdullah berkata kerajaan akan tetap bertegas daripada segi syarat membenarkan ceramah kerana perbuatan parti pembangkang terutama PAS sudah sampai ke peringkat mencabar toleransi kerajaan.

Menyentuh masalah perpecahan keluarga yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu, Timbalan Presiden Umno itu berkata anggota Umno perlu bijak membahagikan masa antara profesion dan tanggungjawab terhadap keluarga serta tugas parti.

Keluarga yang rukun dapat membantu seseorang itu menjadi lebih produktif dalam melaksanakan tugas, katanya.

Beliau berkata contoh terbaik pemimpin yang bijak dan berjaya mengimbangi masa bagi melaksanakan tanggungjawab mereka ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Walaupun sibuk dengan tugas mereka sebagai doktor dan aktif dalam kegiatan politik dan sukarela, mereka telah berjaya mengasuh dan mendidik tujuh orang anak sehingga mereka berjaya, katanya.

"Mereka adalah contoh keluarga bahagia yang hidup rukun dan damai," katanya sambil berkata seluruh anggota Umno perlu memastikan mereka dapat

membina keluarga bahagia dan "mengUmnokan" anak-anak mereka.

-- BERNAMA

HS RZS AZZ MOZ